


KENYATAAN TUNJUK MINAT (“EOI”)

MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD 201901044132 (1353462-M) (“MRTS”), adalah anak syarikat milikan penuh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai syarikat infrastruktur untuk pembinaan RTS Link di Malaysia.

Sehubungan perkara di atas, MRTS di dalam proses untuk mengumpul maklumat dan maklumbalas daripada syarikat-syarikat yang berminat melalui Kenyataan Tunjuk Minat (“EOI”). MRTS menjemput syarikat-syarikat berpengalaman yang berminat untuk mengambil bahagian dalam proses EOI ini bagi membolehkan MRTS mempertimbangkan sepenuhnya syarikat-syarikat yang berpotensi serta cadangan-cadangan projek pembangunan bercampur.

Perlu diingatkan bahawa penyertaan dalam proses EOI ini tidak semestinya mengesahkan kelayakan pemohon ke peringkat seterusnya iaitu Penyertaan Tender.

Kesemua maklumat yang diserahkan, maklumbalas serta surat-menyurat berkenaan EOI ini adalah SULIT. Kesemua dokumen EOI yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan dokumen serta kualiti dokumen yang dihantar.

TAJUK EOI & NOMBOR EOI	SYARAT-SYARAT EOI	PENDAFTARAN
<p>KENYATAAN TUNJUK MINAT</p> <p>UNTUK</p> <p>SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER(S) TO INVEST IN THE PROPOSED MIXED DEVELOPMENT AT BUKIT CHAGAR ADJACENT TO THE PROPOSED RAPID TRANSIT SYSTEM LINK STATION</p> <p>EOI REF. NO.: RTS-MRTS-PTOD-TODJ-EOI-000001</p>	<p>EOI ini terbuka kepada semua Syarikat berdaftar di Malaysia dan Asing yang memenuhi keperluan berikut:</p> <p>a) Syarikat Tempatan</p> <p>i. Memiliki sijil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah</p> <p>b) Syarikat Asing</p> <p>ii. Syarikat asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p>	<p>Semua Pemohon yang berminat untuk menyertai EOI ini dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian di salah satu pautan dibawah:-</p> <p>1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. Pautan https://forms.gle/1DNDf91BF144gGnv6 ; dan 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</p> <p>Pendaftaran akan bermula pada Selasa, 27 Jun 2023.</p> <p>Dokumen EOI akan diberikan kepada syarikat yang mengambil bahagian (tanpa bayaran) melalui alamat e-mel yang didaftarkan setelah berjaya melengkapkan dan mematuhi syarat pendaftaran atas talian.</p> <p>Sila imbas Kod QR untuk pendaftaran:</p> 

Syarikat yang berminat untuk menyertai EOI ini mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut:

KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<p>1. Pihak yang berminat mestilah telah berjaya menyiapkan projek pembangunan bercampur dalam tempoh 10 tahun yang lalu dengan Nilai Pembangunan Kasar minimum RM 1.0 bilion untuk sekurang-kurangnya satu projek. Jenis projek yang dibangunkan mestilah di antara mana-mana yang berikut:</p> <p>a) Pusat beli-belah runcit b) Menara pejabat dan bangunan komersial c) Hotel d) Menara kediaman e) Pembangunan komersial bercampur</p>	<p>1. Dana Pemegang Saham* (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM50 juta.</p> <p>2. EBITDA* terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif.</p> <p>Nota: *Bagi penyertaan secara Usahasama/Konsortium, penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/ Konsortium.</p>

Tarikh serahan untuk maklumbalas EOI adalah tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, Jumaat, 14 Julai 2023.

Pelabur dikehendaki menyerahkan Dokumen EOI yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen EOI.

Maklumat Tambahan EOI:

- Pelabur dibenarkan membentuk Usahasama/Konsortium dan dikehendaki mengemukakan *Letter of Intent/Undertaking* untuk membentuk syarikat Usahasama /Konsortium.
- Pelabur dibenarkan mengemukakan satu (1) penyerahan EOI sahaja, sama ada sebagai satu entiti atau sebagai rakan kongsi Usahasama/Konsortium. Pelabur yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyerahan EOI akan dibatalkan penyertaannya secara automatik.
- Kesemua Pelabur mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori, undang-undang dan peraturan termasuklah pindaan yang berkaitan atau penggubalan semula yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan EOI ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mail ke procurement.rts@mymrt.com.my.
- Maklumat lanjut mengenai MRTS boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.
- MRTS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya daripada mana-mana Pelabur serta membatalkan proses EOI ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTS tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pelabur yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.